| Headline | Selebriti Reben Merah meriahkan malam amal di BCCK, 8 Dis ini | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Utusan Borneo Sarawak | | |
| Date | 25 Nov 2016 | Color | Full Color |
| Section | Supplement | Circulation | 45,554 |
| Page No | A7 | Readership | 136,662 |
| Language | Malay | ArticleSize | 801 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 5,194 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 15,583 |




# Selebriti Reben Merah meriahkan malam amal di BCCK, 8 Dis ini





**KUCHING:** Yayasan AIDS Malaysia (MAF) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sarawak bakal menganjurkan satu makan malam amal yang dipanggil Malaysian AIDS Foundation Kuching Gala di Borneo Convention Centre Kuching (BCCK) pada 8 Disember ini.

Acara amal ini diadakan bertujuan untuk mengumpul dana bagi menubuhkan sebuah 'One Stop Centre' dan Rumah Perlindungan yang pertama di Kuching Sarawak bagi membantu mereka yang daif dan hidup dengan HIV untuk mendapatkan rawatan, penjagaan dan sokongan, terutama ibu tunggal dan kanak-kanak yang mengidap HIV.

Penganjuran acara amal ini juga merupakan inisiatif bersama Datin Patinggi Datuk Amar Jamilah Anu (Isteri Ketua Menteri Sarawak) selaku penaung majlis.

Selain aktiviti lelongan amal item-item eksklusif seperti barangan kemas dan jam tangan berjenama, acara itu akan turut dimeriahkan dengan persembahan pentas oleh Selebriti Reben Merah seperti Dayang Nurfaizah, Ziana Zain, Aaron Aziz, Fahrin Ahmad, Dee dan Bob Yusof.

Tiket berharga RM500, RM250, RM150 (dengan makan malam) atau RM60 (tempat duduk di balkoni) boleh dibeli di http://www.ticketpro.com.my. Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan mengenai jualan tiket, sila hubungi Ariff di talian 0129594596 atau Azahemy di 0166465874.



**ACARA AMAL:** Dayang Nurfaizah, Aaron Aziz dan Fahrin Ahmad antara yang akan memeriahkan makan malam amal Malaysian AIDS Foundation Kuching Gala di BCCK, 8 Disember ini.




Powered by: isentia